

PELITA



BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 4 RABU 22 JANUARI, 1969

دابو ٣ ذوالقعدة ١٣٨٨

PERCHUMA



SAMBUTAN YG. BAIK TERHADAP RANCHANGAN LUAR BANDAR

Kerajaan perlukan kerjasama yang lebuh erat

BANDAR BRUNEI — Pelaksanaan Ranchangan Luar Bandar yang di-usahakan oleh Kerajaan sa-jauh ini telah mendapat sambutan yang menggalakan di-kalangan orang ramai.

Melalui ranchangan2 itu telah dapat mengatasi kesulitan2 yang di-tempoh oleh penduduk2 luar bandar.

Dari ranchangan2 yang telah di-buat itu, penduduk2 di-luar bandar telah menyatakan keshukor mereka kerana mengalami beberapa perubahan yang penting dalam kehidupan mereka sa-hari2.

Pegawai Daerah
Brunei-Muara,
Awang Md. Ali.

Ketika merasmikan pembukaan jambatan bagi Kampong Ujong Bukit dan Limbongan pada hari Ahad lepas, Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awg. Md. Ali bin Awg. Besar menyatakan bahawa kejayaan itu ada-lah berkat kerjasama yang erat dan persafahaman yang baik di-kalangan penduduk2 luar bandar dengan pegawai2 yang melaksanakan tugas yang berat itu.

Penduduk2 Limbongan dan Ujong Bukit, kata beliau, telah merasa lega dan bershukor dengan ada-nya jambatan itu kerana telah dapat mengatasi kesulitan2 perhubungan yang mereka tempoh sa-belumnya.

Beliau menegaskan bahawa ranchangan pembinaan jambatan tersebut ada-lah salah satu projek Kerajaan yang terkandong dalam ranchangan kemajuan luar bandar yang di-kelolakan oleh Pejabat Daerah Brunei dan Muara.

Awang Md. Ali juga telah menyatakan bahawa beberapa kejayaan lagi telah di-chapai dalam pelaksanaan ranchangan itu yang khusus di-tujukan untuk kemudahan dan kebijakan penduduk2 luar bandar, terutama ranchangan2 yang di-lancharkan dalam tahun lepas.

Kata-nya, dalam tahun 1968 Pejabat Daerah Brunei dan Muara telah dapat menyiapkan banyak projek2 luar bandar.

Beliau telah menyebut sa-chara detail akan kejayaan2 yang telah di-perolehi dalam ranchangan tersebut.

Kata-nya, jambatan2 keperluan lalu lintas sepanjang 10,844 kaki di-sekitar daerah Brunei dan Muara telah disiapkan dan 3 buah jambatan (LIHAT MUKA 8)

“Samalindang” lagu perbarisan tentera AMDB

BANDAR BRUNEI — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan telah memperkenankan irama lagu “Samalindang”, sa-buah lagu Brunei asli untuk di-gunakan sebagai lagu perbarisan tentera bagi pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei mulai dari 1 Januari 1969.

Pegawai Pemerintah Pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei, Dato H.F. Burrows berkata, lagu Samalindang telah di-mainkan buat pertama kali-nya oleh pasukan pancharam regiment itu untuk Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, sa-laku Colonel-in-Chief pasukan itu dalam satu upachara persendirian di-Istana Darul Hana pada 31 Disember tahun lalu.

“SISTEM TAUNGYA” DI-MULAKAN DALAM BULAM MACH

BANDAR BRUNEI — Jaban Hutan akan memulakan tanaman perchubaan pokok2 di-bawa ‘Sistem Taungya’ dalam bulan Mach tahun ini.

Pemangku Pemeliharaan Hutan, Awang I.P. Tamworth ketika mengumumkan perkara ini berkata, sa-bagai permulaan di-bawah ranchangan empat buah kawasan di-negeri ini akan di-tanam dengan pokok2 pine jenis ‘Pinus Caribaea’ yang chepat tumbuh.

Kata-nya, jumlah pokok2 yang akan di-tanam di-kawasan2 itu ia-lah di-antara 10,000 hingga 15,000.

Sistem Taungya ini di-laksanakan untuk menghapuskan amalan memindahkan tanaman2 yang merosakkan dan memperkenalkan satu sistem pemeliharaan hutan yang membina.

Di-bawah ranchangan ini, penanam2 akan di-berikan sagu hati kerana menanam pokok2 di-kawasan yang mereka ber-

sehkan dan membakar belukar2 untuk menanam pokok2 itu.

Mereka juga di-kehendaki memelihara pokok2 itu hingga tumbuh chukop besar dan kuat untuk menandingi tumbuh2-an.

Awang Tamworth menerangkan bahawa menggunakan chara ini ada-lah bertujuan untuk memperbaiki sa-chara beransor2 kebiasaan memindah2kan tanaman yang merosakkan dan untuk mendapatkan kerjasama kapada penanam2 bagi menjayakan ranchangan ini.

Penanam2 di-bawah ranchangan ini akan menerima sagu hati kerana menanam pokok2 di-kawasan pemindahan tanaman mereka dan akan terus menerima sagu hati itu sa-lama dua tahun.

Ada-lah di-jangkakan, salpas 15 hingga 20 tahun, pokok2 itu akan menjadi chukop besar dan di-tebang untuk membuat kertas.

Rumah pangsa bagi guru2

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan telah menerima tawaran bagi membina dua buah rumah pangsa yang mengan-
dongi 12 buah bilek bagi Jabatan Pelajaran di-Seria.

Kerja2 pembinaan rumah pangsa itu akan di-mulakan dalam bulan ini dan ia-nya di-jadualkan siap dalam masa 14 bulan.

Perbelanjaan membina rumah pangsa itu menelan be-
lanja \$552,813.00.

Rumah tersebut ada-lah bagi menempatkan guru2 yang mengajar sekolah2 kerajaan di-kawasan itu.

"B" Kompeni menangi Perisai Paduka Seri Begawan Sultan

BERAKAS — Pegawai Pemerintah Askar Melayu Di-Raja Brunei, Lt. Col. Dato H.F. Burrows telah menyampaikan hadiah2 perseorangan kapada anggota2 Platon No. 5 'B' Kompeni kerana memenangi Perisai Seri Begawan dalam pertandingan menembak.

Upachara menyampaikan hadiah2 dan perisai tersebut telah di-adakan dalam satu perbarisan yang telah di-adakan di-Khemah Berakas pada minggu lalu.

Pertandingan tersebut telah di-adakan dalam tahun lepas.

Perisai Seri Begawan itu telah di-terima oleh Kaptan pasukan itu, Lt. Muda Shari bin Ahmad.

96 rekrut AMDB jalani latehan

BERAKAS. — Sa-ramai 96 orang rekrut Pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei sekarang ini menjalani latehan asas sa-lama tiga bulan di-Khemah Berakas.

Latehan itu meliputi chara menggunakan senjata, berbaris, taktik perang, dan menembak dengan senapang rifle, dan machine gun.

Latehan itu akan berakhir dalam bulan April.

Masjid

KILANAS. — Penduduk2 Kampong Kilanas telah membina sa-buah masjid baru yang berharga \$34,000.00.

Setiausaha jawatankuasa pembinaan masjid, Awang Azhari bin Haji Mat Daud berkata hari ini, Jabatan Hal Ehwal Ugama setakat ini telah menyumbangkan sa-banyak \$15,000.00 ka-arah per-

KELAS2 BAHASA HINDI DAN BERSOLEK

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa telah menambah dua mata pelajaran lagi pada tahun ini.

Mata2 pelajaran itu ia-lah Bahasa Hindi dan pelajaran bahagian urusan rumah tangga ia-itu bersolek.

Pelajaran Bahasa Hindi itu akan di-adakan di-Sekolah Melayu Pusar Ulak, Bandar Brunei sa-bagai permulaan. Jika sekira-nya pelajaran itu mendapat sambutan ia-nya akan di-adakan di-tempat2 lain

Sementara bahagian bersolek akan di-adakan di-Bandar Brunei dan Seria.

Pada tahun ini bahagian Pelajaran Dewasa akan mengadakan Pelajaran Bahasa Jepun di-Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria,

Pelajaran Bahasa Jepun telah mula di-adakan di-Bandar Brunei pada tahun lalu, yang mana sa-ramai 12 orang penuntut telah lulus peperiksaan tersebut dalam tingkat rendah dua.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran telah menyatakan bahawa Pelajaran Dewasa sa-takat ini telah pun mengajarkan pelajaran2 bahagian rendah (buta huruf), bahagian menengah dan tertinggi dalam aliran bahasa Melayu dan Inggeris, urusan rumah tangga, perdagangan, seni dan pelajaran bahasa.

Pelajaran Bahasa Melayu telah juga di-ajarkan kepada orang2 asing dalam perengkat rendah, menengah dan tertinggi.

Juruchakap itu juga berkata bahawa semua kelas2 dewasa yang di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa ada-lah terbaik kepada orang2 dewasa.

Beliau juga menyatakan permohonan2 untuk memasuki kelas2 tersebut boleh-lah di-buat dengan mengisikan borang permohonan yang boleh di-dapat dari tempat2 atau pusat2 kelas2 pelajaran dewasa atau di-Pejabat Pelajaran Brunei.



baru untuk Kampong

belanjaan membina masjid itu.

Awang Azhari berkata, baki sa-banyak \$9,000.00 telah di-dapat dari penduduk2 Kampong Kilanas, dan yang lain-nya dari sumbangan oleh orang ramai di-seluruh ne-

Masjid baru itu dapat me-nampong kira2 300 orang

Kilanas

untuk berjemaah.

Ia-nya akan mengganti masjid lama yang telah dibina oleh penduduk2 di-kawasan itu dalam tahun 1951 dan di-rasmikan pembukaannya dalam tahun 1955 oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan yang pada masa itu menjadi Sultan Brunei.

Temburong dan Muara punyi balai bomba

BANDAR BRUNEI — Pengawal Perkhidmatan Bomba, Awang Lam So Man berkata, dua buah lagi balai bomba baru akan menjalankan perkhidmatan-nya dalam tahun ini.

Awang Lam berkata, pembenaan kedua2 buah balai bomba itu — sa-buah di-Temburong dan sa-buah di-Muara — sekarang ini sedang berjalan dengan lancar-nya.

Beliau menyatakan, pembenaan balai2 bomba itu adalah sa-bahagian dari rancangan jabatan-nya untuk membina balai2 bomba di-kawasan yang ramai penduduk-nya di-negeri ini.

Awang Lam berkata, balai bomba di-Muara di-jadualkan siap pada penghujung bulan depan.

Sementara pembinaan balai bomba Temburong sedang berjalan dengan lancar dan beliau berharap ia-nya akan siap seperti yang di-jadualkan.

Beliau berkata, apabila siap nanti, kedua balai bomba tersebut akan di-lengkapkan alat2 pemadam api yang moden dan akan di-kelolakan oleh anggota2 yang terlatch.

Bekalan letrik di-Temburong di-perluas

TEMBURONG. — Jabatan Letrik sekarang sedang memperluaskan bekalan letrik ka-Pekan Bangar Baru yang di-chadangkan dan ka-Kampong Menengah.

Ketua Jurutera Letrik, Awang E.F. Brown berkata, kawat2 pembekal tenaga letrik yang di-perluaskan itu dan bekalan letrik ka-Pekan Bangar Baru merintangi Sungai Temburong di atas jambatan baru.

Awang Brown berkata bekalan letrik pertama akan di-berikan kapada khemah shariat Gammons Asia Tenggara Berhad yang memberna jalap raya di-daerah itu.

Beliau berkata, bekalan juga akan di-sambong ka-Kampong Menengah.

Temburong mendapat bekalan letrik dari steshen-nya sendiri yang di-bena dalam tahun 1967.

Empat buah alat janakuasa diesel, dua bertenaga 280 KW dan dua buah yang bertenaga 150 KW telah di-pasang dalam steshen kuasa letrik di-Bangar, ibu kota daerah itu.

KHUTBAH JUMA'AT

KENDERAAN SA-MAKIN BERTAMBAH

KEMALANGAN KIAN MENINGKAT

17 jiwa terkorban akibat kemalangan jalan raya tahun lalu

PADA tahun 1968, 17 kematian berlaku di-jalan raya. Laporan mengenai kesalahan lalu lintas di-seluruh negeri, berjumlah sa-banyak 5,645. Sa-ramai 621 daripada jumlah itu ia-lah kejadian2 kemalangan di-seluruh negeri. 14 daripada kejadian2 kemalangan itu ia-lah yang membawa maut kapada 17 jiwa.

Demikian laporan yang telah di-keluarkan oleh Jabatan Pupilis yang di-siarkan oleh Surat Khabar Bintang Harian pada 11 Januari, 1968.

Kenderaan bermotor di-negeri kita ini semakin hari semakin bertambah dengan pesatnya, pada tahun 1968 ia-itu dari bulan Januari hingga bulan September sa-banyak 1,572 buah kenderaan baru yang berdaftar, menurut Jabatan Pengangkutan Darat, bahawa kenderaan bermotor yang terdapat di-jalan2 raya di-seluruh negeri ini ia-lah sa-banyak 10,000 buah, ini tidak-lah termasuk kenderaan2 kerajaan dan tentera yang berjumlah sa-banyak kira2 sa-ribu buah.

Memandang kapada jumlah kenderaan bermotor yang begitu banyak berbanding dengan jalan raya di-negeri ini yang boleh di-gunakan oleh kenderaan2 yang hanya sa-panjang kira2 150 batu, yang mana kalau menurut kiraan hitung panjang bahawa setiap 10

91 orang memelok Ugama Islam tahun lalu

BANDAR BRUNEI — Sa-ramai 91 orang, temasok 38 orang perempuan telah memelok Ugama Islam di-negeri ini pada tahun lalu.

Sa-orang juruchakap Jaban Hal Ehwal Ugama Brunei berkata, kebanyakan yang memelok ugama Islam itu ia-lah puak2 Iban, Dusun dan China.

Lain2nya ia-lah puak Bi-saya, Murut dan termasok juga bangsa Irish, Thai, Filipina, Eurasian dan Ceylon.



akan di-patohi ketika kita ter-nampak ada-nya pegawai pulis yang sedang bertugas.

Di-samping ada-nya pengguna2 jalan raya yang kurang chermat, maka ada satu perkara lagi yang boleh membahayakan lalu lintas di-negeri ini, perkara itu ia-lah "KER-BAU" yang berkeliaran di-jalan2 raya, khas-nya di-waktu malam.

Orang2 yang mempunyai kerbau, tidak-lah chukup se-takat mempunyai kerbau sa-

Pengguna2 jalan raya di-seru menghormati peraturan lalu lintas

orang di-negeri ini ada mempunyai sa-buah kereta dan satu batu jalan raya ia-lah bagi tiap2 80 buah kenderaan. Demikian berita yang di-petik daripada surat khabar Bintang Harian.

haja, bahkan hendak-lah di-fikirkan dan di-laksanakan chara2 memelihara kerbau itu supaya tidak membahayakan kapada keselamatan orang lain.

KESELAMATAN

Masaalah keselamatan jiwa dan tuboh badan, termasoklah keselamatan jalan raya adalah menjadi salah satu perkara

yang asasi dalam perundungan Islam, ugama kita menyuroh kita memelihara keselamatan jiwa kita sendiri mahu pun keselamatan jiwa orang lain, ugama kita menyuroh kita supaya menjaga keselamatan tuboh badan, sama ada tuboh badan kita sendiri, mahu pun keselamatan tuboh badan orang lain.

Jika menggunakan jalan raya sa-chara menyalahi undang2 dan peraturan atau pun meng-gunakan jalan raya dengan menjalankan kereta atau moto sikil terlampau laju, sunggoh pun di-tempat yang terlepas dari-pada kawasan yang di-hadkan laju-nya, ada-lah boleh membahayakan keselamatan, bukan sahaja membahayakan keselamatan, bukan sahaja membahayakan keselamatan pengguna jalan raya itu sendiri, bahkan juga membahayakan keselamatan orang lain, dan kerbau2 yang berkeliaran di-jalan raya ada-lah sangat membahayakan pengguna2 jalan raya, dan membahayakan keselamatan mereka.

Oleh yang demikian ada-lah di-serukan supaya setiap orang yang berkenaan, khas-nya pengguna2 jalan raya hendak-lah menghormati undang2 dan tata tertib jalan raya, kerana kalau kita menghormati undang2 itu dengan maksud menjaga keselamatan nyawa dan tuboh badan, maka perbuatan kita itu ada-lah merupakan ibadat yang di-suroh oleh uga-ma kita.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 22 Januari, 1969 hingga ka-hari Selasa 28 Januari, 1969 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
	22 Jan.	12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20	6-35
	23 Jan.	12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20	6-35
	24 Jan.	12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20	6-35
	25 Jan.	12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20	6-35
	26 Jan.	12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36
	27 Jan.	12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36
	28 Jan.	12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.



22 Januari, 1969

**SISTEM
TAUNGYA**

JABATAN HUTAN akan memulakan tanaman perchubaan pohon2 menurut "sistem Taungya" dalam bulan Mac tahun ini.

Sa-jumlah antara 10,000 hingga 15,000 batang pokok2 jenis Pinus Caribaea yang cepat tumbuh akan di-tanam di-empat buah kawasan di-Brunei. Di-bawah ranchangan ini pembuka2 tanah akan menerima bahan sugu hati kerana menanam pokok2 tersebut di-kawasan2 yang mereka bersukan dan mereka di-kehendaki memiliki-haranya sa-hingga chukup besar. Bayaran sugu hati itu akan di-terima oleh peneroka2 tanah itu sa-lama dua tahun.

Dalam jangka yang pindek memang-lah ranchangan itu kurang meyakinkan kalau dibanding dengan peruntokkan yang di-buat bagi pelancharannya, tetapi tidak di-ragukan lagi bahawa Brunei akan mendapat faedah2 yang besar dalam jangka waktu yang panjang apabila pokok2 itu menjadi bahan export yang penting atau kilang2 pembuat kertas di-adakan di-negeri ini.

Negara2 di-selbelah sini seperti Burma, Siam dan Sabah penghasilan kayu-kayannya ada-lah merupakan bahan export yang penting yang menambahkan kekuatan ekonomi negara2 itu. Bagitu juga Negara2 di-Afrika seperti Congo, Kenya dan Uganda yang juga penghasilan kayu-kayannya merupakan negoh ekonomi mereka.

Menitik kapada kesburuan tanah di-negeri ini, kita tidak terkecuali akan dapat menandungi negara2 tersebut dalam soal penghasilan kayu-kayannya sa-bagai menambahkan lagi pendapatan negara.

Pelancharan sistem Taungya itu merupakan perchubaan untuk menjangkau ka-arah ini yang sesuai dengan hasrat Kerajaan untuk meneroka kemungkinan2 yang ada untuk tidak semata2 berharap kepada hasil minyak.

Untuk tujuan ini pula ada-lah perlu di-sediakan kawasan tanah yang luas seperti yang dilakukan di-sa-tengah2 negeri seperti New Zealand, Canada dan Scandavia yang menanam kayu pain itu untuk di-proses dan keadaan-nya tidak-lah dengan chara penanaman yang di-lakukan ka-atas 10 atau 20 ekar sahaja dan juga chara yang "bertumpok-tumpok".

Bagi pelancharan hasrat ini dan untuk mendapatkan kejayaan-nya maka seluruh rakyat ada-lah perlu menyediarnya di-samping menyumbangkan kerjasama mereka yang memang di-perlukan.


Perchubaan sistem Taungya ini ada-lah erat sekali hubungan-nya dengan penduduk2 negeri ini terutama peneroka2 tanah atau petani yang meng-usahakan tanaman padi tugal. Di-samping mereka di-beri sugu hati terhadap penanaman dan penjagaan pokok2 yang akan di-tanam itu nanti, mereka juga akan memperolehi pengalaman yang baru dalam usaha mereka sa-hari2 yang tidak kurang penting-nya dari segi tanggong-jawab terhadap bangsa dan negara.

pusat belia


YANG DI-PERLUKAN BELIA



Pekerja2 sedang menyiapkan kerja2 perengkat akhir bagi menghalusi dinding dan tangga di-bahagian bawah bangunan tersebut.



Salah satu kemudahan dalam rangkaian Pusat Belia ia-lah sa-buah kolam bernang yang berukuran Olympik, saperti kelihatan dalam gambar ini.



Bangunan asrama di-lihat dari penjuru pusat tersebut.

DENGAN KEMUDAHAN2 UNTOK KEGIATAN2 DI-PERLUKAN BELIA

BANGUNAN Pusat Belia dan rankaian-nya yang mencan belanja pembina kira2 \$2.2 juta itu hampir siap sekarang ini.

Rangkaian Pusat Belia itu mengandungi berbagai2 kemudahan yang di-perlukan untuk melinchinkan pergerakan belia dengan kegiatan2 yang mereka laksanakan.

Kemudahan2 yang di-lengkapkan di-pusat itu ada-lah sejajar dengan yang di-perlukan oleh belia seperti latehan2 sokaan yang di-sediakan dengan dewan olah raga atau bielek latehan jasmani dan kolam bernang ukuran olympik.

Beberapa buah bielek lagi telah juga di-khaskan bagi latehan2 pelajaran pertukangan tangan dan urusan rumah tangga. Untuk kemajuan belia yang mengikuti latehan2 yang serupa, maka asrama2 yang berasingan ia-itu untuk lelaki dan perempuan terdapat juga dalam rangkaian bangunan di-pusat itu.

Mengenai pembinaan Pusat Belia itu kita tentu sekali teringat balek sejarah peletakan batu asas-nya yang telah berlangsung pada 27 Ogos, 1967 yang dilakukan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang pada waktu itu maseh lagi menjadi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota.

Bila kita mengenang peristiwa itu, neschaya kita akan teringat kembali amanat Baginda yang menumpukan hasrat agar belia2 negeri ini dapat membuktikan tanggong-jawap mereka terhadap perkembangan belia pada beberapa jurusan yang pelancharan-nya mungkin bertolak dari pusat yang hampir2 siap itu.

"Dengan pembinaan bangunan ini akan membolehkan perjalanan pergerakan belia di-Brunei memajukan lagi kesenian dan kebudayaan bangsa dan mengadakan kerjasama dengan kerajaan dalam kempen untuk memajukan pelajaran".


Dari sini ternyata-lah bahawa peranan Pusat Belia ia-lah bukan hanya untuk menjadi tumpuan belia pada mengisikan masa2 lapang mereka, bahkan juga dari pusat itu kelak akan mengeluarkan belia2 yang chukup dengan kesedaran terhadap kesenian dan kebudayaan bangsa dan membantu memusatkan perkembangan negara.

Dengan pusat itu nanti, tidak lama lagi laungan2 dari belia yang menyuarakan kekurangan2 yang perlu di-adakan dalam melinchinkan kegiatan2 belia sekurang2nya dapat di-penohkan.


Sesuai dengan pusat yang di-khaskan untuk belia itu akan benar2 di-penohkan dan di-kendalikan oleh belia2 tanah ayer dengan sempurna-nya dan semoga pusat itu tidak hanya megah pada bangunan-nya sahaja, tetapi akan juga dapat memegahkan negara sahaja, tetapi akan juga dapat memegahkan negara dengan belia-nya yang berkemajuan dalam berbagai2 jurusan bagi meninggikan nilai darul-salam dan imej bangsa dan negara.



Begini-lah bentuk luar bangunan pusat tersebut.



Dalam pusat itu juga terdapat sa-buah dewan yang akan di-gunakan untuk pertunjukkan pentas dan latehan jasmani.



Bangunan asrama yang maseh di-jalankan kerja2 penyiapan-nya.

Pembinaan**Maktab Ugama****berjalan lanchar**

BANDAR BRUNEI. — Pembinaan Maktab Perguruan Ugama di-batu satu, Jalan Tutong sedang berjalan dengan baik.

Maktab yang di-ranchangkan itu di-anggarkan menelan belanja kira2 \$5 juta dan di-jangka akan siap pada penghujung tahun ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata, maktab itu akan di-gunakan untuk melateh guru2 bagi sekolah2 ugama negeri ini.

Maktab itu akan mempunyai tempat tinggal bagi kira2 300 orang guru pelateh.

Dua buah asrama yang berasingan bagi penuntut2 lelaki dan perempuan akan dibina untuk menempatkan mereka.



20 penuntut melanjutkan pelajaran ka-Singapura

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pelajaran Brunei telah menghantar 20 orang penuntut untuk melanjutkan pelajaran mereka di-Singapura.

Ini ada-lah kumpulan kelima penuntut2 Brunei di-hantar ka-republik itu untuk melanjutkan pelajaran sejak tahun 1965.

Sa-puloh orang penuntut di-hantar ka-Sekolah Menengah Inggeris Siglap dan 10 orang

lagi ka-Sekolah Menengah Gabongan Telok Kurau dalam aliran Melayu.

Ini ada-lah pertama kali nya penuntut2 Brunei di-hantar ka-Sekolah Menengah Inggeris Siglap untuk melanjutkan pelajaran dalam bahasa Inggeris.

Penuntut2 yang di-pilih ka-Sekolah Menengah Inggeris Siglap ia-lah:

Ak. Ali bin Pg. Matarsat — AAC, Abd Kahar bin Bolhassan — SOAS, Ramli bin Serudin — AAC, Ak. Mohd Isa bin Pg. Omar — SOAS, Sharbini bin Abdullah — AAC, Alimin bin Kalong — SOAS, Md. Ali bin Awang — SOAS, Ak. Nasaruddin bin Pg Tajuddin — AAC, Hamidon bin Haji Abd Latif — AAC dan Malai Hamir bin Malai Mashor — AAC.

Penuntut2 yang di-pilih di-hantar ka-Sekolah Menengah Gabongan Telok Kurau ia-lah:

Omar Ali bin Md Yassin — S.M. Dato Gandi, Ahmad bin Tinggal — S.M. Sengkurong, Rahim bin Haji Raman — S.M. Kasat, Ali bin Anggas — S.M. Sengkurong, Ak. Radzuan bin Pg. Haji Abas — S.M. Sengkurong, Aliudin bin Omar Ali — S.M. Abdul Rashid, Tanjong Maya Merali bin Jabat — S.M. Kasat, Taha bin Dua — S.M. Abdul Rashid, Tanjong Maya Samat bin Abu Bakar — S.M. Layong dan Karim bin Piah — S.M. Layong.

Mereka telah berlepas ka-Singapura pada minggu lalu.

Lawatan penuntut2**St. John ka-khemah****AMDB**

BERAKAS. — Satu rombongan penuntut Tingkatan Tiga, Sekolah St. John, Kuala Belait telah membuat lawatan ka-Khemah Askar Melayu Di-Raja Brunei di-Berakas.

Ketibaan rombongan tersebut telah di-sambut oleh Pegawai Pemerintah regiment itu, Lt. Col. Dato H.F. Burrows.

Sa-telah di-beri penerangan rengas mengenai tanggong-jawab dan pentadbiran regiment itu oleh Dato Burrows, rombongan tersebut telah di-bawa melawat ka-beberapa bahagian dalam pasukan itu.

Antara yang di-lawati mereka ia-lah rumah sakit, pasukan helikopter, sekolah dan mess pegawai.

Mereka kemudian-nya dibawa melawat ka-pengkalan pasukan laut-nya di-Muara di-mana mereka telah di-beri peluang untuk menaiki pesawat hovercraft dan kapal2 ronda.

Gambar atas menunjukkan sa-bahagian daripada murid2 itu ketika menaiki salah sa-buah kapal ronda Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Lebih 200 ingin belajar trengkas dan menaip

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa sa-takat ini telah menerima lebih dari 200 permohonan bagi memasuki pelajaran trengkas dan menaip di-Daerah Brunei/Muara.

Pemberian ubat yang sama juga telah di-berikan kepada murid2 sekolah rendah dan taman kanak2 di-Daerah Brunei/Muara pada hari Isnin lepas.

Murid2 di-Daerah Tutong dan Temburong juga akan di-berikan ubat yang sama tidak beberapa lama lagi.

Haji Metassim berkata, keutamaan belajar Trengkas dan Menaip akan di-beri kapada pegawai2 dan kaki-tangan Kerajaan kerana memandang banyak-nya orang2 yang ingin belajar.

Beliau berkata, mereka yang belum dapat di-panggil untuk belajar menaip permulaan dan yang lain2 ia-lah pelajaran trengkas permulaan dan menengah.

Kerja gotong royong memasang lantai jambatan Kampong Ayer

BANDAR BRUNEI. — Kerja2 memasang lantai katas beberapa buah jambatan di-Kampong Ayer akan di-mulakan tidak beberapa lama lagi.

Ini ada-lah tambahan ka-pada jambatan2 yang ada sekarang yang di-bina bagi meletakkan paip2 ayer ka-Kampong2 Ayer. Ia-nya berjumlah kira2 4,062 kaki.

Sa-orang juruchakap Jabatan Daerah Brunei/Muara menyatakan bahawa kerja2 akan di-lakukan sa-chara gotong royong oleh penduduk2 kampong yang berkenaan.

Apabila siap nanti, ia-nya akan menghubungkan kampong Tamoi Ujung, Kampong T a m o i Tengah, Kampong Pengiran Kerma Indera Lama, Kampong Pengiran T a j u d d i n Hitam, Kampong Pengiran Bendahara Lama dan Kampong Ujung Tanjung dengan tanah besar yang mana memberikan kemudahan ka-pada penduduk2 di-situ untuk pergi ka-bandar dengan tidak payah menggunakan perahu.

Sementara itu, penduduk2 di-Kampong Batu Marang sekarang ini mempunyai sa-buah jambatan sa-panjang 308 kaki yang menghubungkan rumah2 mereka dengan Sekolah Melayu dan masjid di-kawasan itu.

Kerja2 membina jambatan

Ubat chegah chachar

KUALA BELAIT. — Rombongan Jabatan Kesihatan dan Perubatan Kuala Belait pada hari Isnin lepas telah memberikan satu dose booster ubat menchegah penyakit2 'diphtheria', 'tetanus' dan chachar kapada murid2 baru di-sekolah2 rendah dan taman kanak2 di-daerah itu.

Pemberian itu pada mulanya akan di-tumpukan ka-pada sekolah2 di-kawasan yang berhampiran dan akan di-lanjutkan ka-sekolah2 di-luar bandar.

Pemberian ubat yang sama juga telah di-berikan kepada murid2 sekolah rendah dan taman kanak2 di-Daerah Brunei/Muara pada hari Isnin lepas.

Murid2 di-Daerah Tutong dan Temburong juga akan di-berikan ubat yang sama tidak beberapa lama lagi.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA-BAGAI JURUTEKNIK X-RAY

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan sa-bagai Juruteknik X-Ray di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei (3 Jawatan Kosong).

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB 4 — \$210 x 10—
270 x 15 — 360 x 20 —

480/EB/500 x 20 — 620. Gaji permulaan ada-lah bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman dahulu.

- (a) Pemohon2 yang terdiri dari rayaat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan berhak menjawat jawatan tetap dan di-kehendaki

menjalani masa perchubaan sa-lama tiga tahun.

- (b) Chalun2 lain, kira-nya di-lantek, akan di-beri jawatan sa-chara berkontrek sa-lama tiga tahun termasok-lah masa perchubaan sa-lama 6 bulan. Mereka yang di-lantek sa-chara berkontrek akan berhak mendapat baksis sa-banyak 12½% daripada gaji mereka pada tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.
- (c) Pakaian seragam dan aloan dhobi bulanan akan di-beri.

LATEHAN PERGURUAN

KURSUS (B) — 1969

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada mereka2 yang belum berkahwin dan telah di-lahirkan dalam negeri Brunei, serta telah lulus perekson Sijil Rendah Pelajaran Malaysia atau yang sambanding dengan-nya di-dalam penghantar Bahasa Melayu atau Inggeris, untuk memasuki latehan perguruan sa-lama tiga tahun di-Maktab Perguruan Brunei.

Sa-masa dalam latehan semua pemohon2 yang di-terima akan di-beri elauan saperti di-bawah:

Bagi tahun pertama dan kedua — \$180.00 sa-bulan.

Bagi tahun ketiga \$190.00 sa-bulan.

Jika pemohon itu di-beri tempat tinggal di-Asrama yang di-akui, sa-banyak \$60.00 daripada elauan di-atas akan di-potong pada tiap2 bulan.

Sa-belum di-terima masok, pemohon2 akan di-temuduga serta juga di-perekson oleh doktor.

Pemohon2 yang di-terima masok akan di-kehendaki me-

nanda tangani satu perjanjian dengan kerajaan Brunei atas sharat2 saperti di-bawah:

- (a) Mereka tidak akan berkahwin sa-masa dalam latehan;
- (b) Mereka atau penjamin2 mereka di-kehendaki membayar balek sa-penoh-nya kepada Kerajaan Brunei jika mereka berhenti sa-masa maseh dalam latehan;
- (c) Mereka sanggop berkhidmat dengan Jabatan Pelajaran Brunei sa-lama sakurang2-nya lima tahun selepas tamat latehan.

Semua penuntut2 yang berjaya dan tamat latehan akan di-masukkan ka-dalam tingkatan gaji yang sama dengan guru2 lain yang telah mempunyai kelulusan yang di-akui bagi perengkat tersebut.

Permohonan2 hendak-lah di-buat dalam borang2 yang sah yang boleh di-dapat dari pada Pengetua, Maktab Perguruan Brunei, Peti Surat 391, Bandar Brunei. Borang2 yang telah di-isi hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada **25 Januari, 1969.**

Kelayakan2:

Pemohon2 mestilah sa-orang Juruteknik X-Ray yang berpengalaman dan berkelulusan. Mereka mestilah bersedia menjalankan semua tugas2 biasa sa-bagai sa-orang Juruteknik X-Ray termasok-lah membuat kerja menchuchi filem, dan jika perlu membuat tugas2 pentadbiran Jabatan X-Ray di-tempat mereka bekerja.

Perkhidmatan Radiological Protection ada-lah berjalan kuat kuasa-nya di-rumah sakit kerajaan di-Negeri Brunei.

Permohonan2 yang mestilah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi dari pada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 15 Februari, 1969.

Sa-bagai Juru Pemuleh Anggota

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada Juru2 Pemuleh Anggota yang berkelayakan bagi memenohi kekosongan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei. Kelayakan2:

Kelayakan yang di-jangka lazim-nya ia-lah Chartered Physiotherapist (United Kingdom) atau kelulusan bersama yang di-akui.

Gaji: Dalam sukatan gaji BW1 — \$1020 x 40 — 1200. Gaji permulaan ber-gantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Tempoh Perkhidmatan: Sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama.

Baksis: Baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan: Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Negeri Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mestilah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi dari pada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 8 Februari, 1969.

SI-TUYU

oleh: m.salleh ibrahim



KERAJAAN SENTIASA MEMBERI GALAKAN KAPADA PERSATUAN2 BELIA—Awg. Salleh

BANDAR BRUNEI — Pesurohjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri berkata, bahawa kerajaan sentiasa memberi perhatian berat dan memberi galakan sa-penoh-nya untuk memajukan persatuhan2 belia di-negeri ini.

Beliau berkata, ada-lah menjadi harapan supaya tiap2 persatuhan akan terus maju dalam kegiatan2 mereka mengikut dasar2 persatuhan yang tidak bertentangan dengan undang2 negeri.

Awang Salleh berkata demikian ketika beliau merasmikan pembukaan mashuarat agong tahunan yang pertama Persatuhan Kampong Pelambayan — KAMPA yang telah di-adakan di-Kampong Pelam-

Telaga pertama akan di-korek bulan April

BANDAR BRUNEI — Sharikat Minyak Borneo Sunray dijangka memulakan kerja2 mengorek telaga ujian-nya yang pertama di-kawasan yang di-pajakkan kapada Perbadanan Penapis dan Minyak Clark chawangan Brunei di-Tutong kira2 pertengahan bulan April tahun ini.

Ini telah di-nyatakan oleh pengarah penyelidikan sharikat tersebut, Awang Robert W. Teipel pada minggu lalu.

Awang Teipel berkata, berdasarkan kapada kajian itu, Sharikat Minyak Borneo Sunray telah membuat keputusan untuk menyiapkan dua batang jalan dan tempat2 bagi menjalankan pengorekkan telaga2 ujian itu.

Beliau berkata, tempat pengorekkan ujian itu letak-nya di-kawasan Lamunin dan pembinaan jalan2 tersebut sedang di-usahakan.

Kata-nya, Sharikat Penyeledekkan dan Pengorekkan Minyak Berhad, Australia yang telah di-tawarkan untuk menggali telaga ujian itu.

Awang Teipel berkata, semua alat2 mengorek di-jadualkan tiba dari Australia pada awal bulan April.

"Telaga ujian itu akan digali sa-dalam 8,550 kaki dan akan mengambil masa kira2 60 hari", tegas beliau.

Sharikat Minyak Borneo Sunray ada-lah di-bawah arahan Awang Fred B. William, pengarah gerakan.

bayan pada hari Jumaat lepas.

Pesurohjaya Kebajikan itu juga memberikan tahniah kepada persatuhan itu kerana menunjukkan usaha2 yang baik terutama untuk mendapatkan sa-buah bas untuk mengangkut murid2 sekolah yang akan di-gunakan tidak berapa lama lagi.

Beliau juga memberi nasihat kepada persatuhan itu supaya tidak akan memasukkan hal2 politik ka-dalam persatuhan yang di-sifatkan beliau boleh mengakibatkan perpecahan.


Terdahulu sa-belum itu, Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Yang Di-Mulai-kan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Haji Awang Mohammad Zain bin Haji Serudin telah memberikan uchapan.

Antara-nya beliau telah menyatakan bahawa kegiatan persatuhan2 belia di-Brunei telah mengalehkan pandangan ka-jurusan perekonomian yang sangat2 di-banggakan.

Kata-nya, ada di-antara persatuhan2 itu sudah pun meluluskan usaha2 dalam bidang sa-perti mengadakan kegiatan bersawah ladang bagi menambahkan hasil padi.

Di-antara yang hadir termasuk-lah Yang Berhormat, Awang Othman bin Sunggoh, ahli majlis mashuarat negeri dari kawasan pemilehan Kampong Ayer dan jemputan2 yang lain.

Naib Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Jaya bin Abdul Latif dan Bendahari Agong M.B.B., Awang Haji Mohd. Tarif turut juga hadir dalam majlis tersebut.



Ini-lah jambatan yang menghubungkan bandar dengan Kampong Limbongan dan Ujong Bukit yang di-bena di-bawah ranchangan luar bandar yang di-usahakan oleh Pejabat Daerah Brunei-Muara.

Ranchangan luar bandar dapat sambutan baik

(DARI MUKA I)
perhentian untuk orang ramai telah siap di-sekitar Kampong Ayer.

Bagi keperluan bekalan ayer di-beberapa tempat di-kawasan daerah ini telah siap di-bena sa-banyak 6 buah ampanangan ayer dan 9 buah pergi.

Bagi kampong2 yang menempoh kesulitan perhubungan, dalam tahun lepas sa-jumlah 17 batu jalan2 kecil telah siap di-bena dan pemeli-haraan jalan2 kecil yang su-ada ada berjalan dengan baiknya.

Bagi kepentingan pendudok2 yang menggunakan perhubungan dengan melalui sungai usaha pembersehan-nya dilaksanakan dengan baik dan telah dapat mengurangkan kesulitan2 yang di-hadapi mereka.

515 orang chalun akan mengambil pepereksaan Ugama

BANDAR BRUNEI — Sa-ramai 515 orang pelajar kelas dewasa di-seluroh negeri akan memasuki pepe-reksaan pelajaran ugama perengkat rendah dan menengah yang akan di-adakan bulan hadapan.

Peperceraan yang di-anjoran oleh Bahagian Kelas De-wasa, Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei ada-lah ju-long2 kali-nya di-adakan di-negeri ini.

Pemangku Nazir Pelajaran Kelas Dewasa Ugama, Awang Ahmad Ramli menyatakan, sa-ramai 500 orang akan me-masuki peperceraan pereng-kat rendah dan 15 orang pe-

rengkat menengah.

Beliau berkata, peperceraan2 itu akan di-adakan dalam 35 buah pusat di-seluroh negeri pada 7 Februari hadapan.

Peperceraan bagi perengkat rendah akan di-jalankan mulai pukul 2.00 hingga 5.00 petang sementara peperceraan perengkat menengah di-jalankan dari 8.00 pagi hingga 10.30 pagi dan dari pukul 2.00 hingga 4.00 petang.

Awang Ahmad menasihatkan semua chalun2 hendaklah berada di-pusat2 peperceraan sa-lewat-nya 15 minit sa-be-lum peperceraan itu di-mula-kan.

Awang Md. Ali mensifatkan tugas2 yang di-laksanakan dalam tahun lepas itu sa-bagi tugas yang berat dan telah menempoh berbagai2 kesulitan.

Walau pun bagitu, tegas be liau, pada keselurohannya tu-gas itu telah dapat di-jalankan dengan sempurna.

"Ini ada-lah berkat kerja-sama yang erat dan rasa per-safahaman yang baik di-kala-nan pendudok2 luar bandar dan kaki-tangan di-Pejabat Daerah Brunei dan Muara", tegas beliau.

Awang Md. Ali menyatakan penghargaan dan terima kasih-nya atas kerjasama dan per-safahaman itu di-samping mengharapkan supaya semangat demikian akan terus terpelihara dengan baik-nya.

"Sekarang kita berada dalam tahun 1969 dan saya ber-doa kita akan dapat lagi menjelaskan rasa persafahaman dan kerjasama yang lebih baik lagi semoga kita dapat meneruskan kerja2 kita dengan le-bih terator dan dapat pula mengurangkan kesulitan2 yang kita hadapi".

Pegawai Daerah itu yakin bahawa dalam tahun 1969 ini, Jabatan Daerah akan terus memusatkan kerja2 perkemba-ngan luar bandar sesuai dengan azam bagi meninggikan mutu kemudahan2 yang sudah ada, di-samping pelancharan ranchangan2 yang baru.

Beliau berseru supaya pendudok2 luar bandar akan sen-tiasa memberikan sambutan yang baik dengan harapan Ke-rajaan supaya mereka dapat menikmati ranchangan2 itu de-gan sa-penoh2-nya.